



DISRUPTING HARM

PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA DARIPADA EKSPLOITASI DAN PENDEREAAN SEKSUAL DALAM TALIAN: HALATUJU MASA DEPAN

Kanak-kanak di Malaysia menghadapi bahaya daripada eksplotasi dan penderaan seksual kanak-kanak dalam talian (OCSEA). Pada tahun yang lalu, sekurang-kurangnya 4 peratus kanak-kanak yang menggunakan internet berumur 12-17 tahun di Malaysia telah mengalami ancaman OCSEA yang jelas termasuk perbuatan peras-ugut kanak-kanak untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti seksual, berkongsi imej seksual mereka tanpa kebenaran atau memaksa mereka untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti seksual melalui janji wang atau hadiah. Jumlah ini mungkin kurang sebagaimana dilaporkan disebabkan oleh ketidakselesaan biasa membincangkan atau mendedahkan mengenai penderaan seksual. Terdapat keterangan bahawa pembuatan dan pengedaran bahan penderaan seks kanak-kanak (CSAM) dan OCSEA cenderung untuk tidak dilaporkan. Usaha-usaha pencegahan belum dinilai dengan secukupnya, kapasiti penyiasatan kurang memenuhi keperluan dan tidak semua mangsa dirawat dan dijaga dengan secukupnya. Kerajaan, institusi-institusi awam dan masyarakat boleh melakukan lebih banyak lagi untuk bertindak balas terhadap OCSEA dan mengganggu bahaya yang ditimbulkannya kepada kanak-kanak di Malaysia.

TINDAKAN-TINDAKAN YANG DICADANGKAN

Memerangi OCSEA dan menyediakan sokongan yang lebih baik kepada mangsa memerlukan tindakan-tindakan yang komprehensif dan berterusan daripada pegawai-pegawai kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, profesional-profesional keadilan dan sokongan sosial, industri teknologi dan komuniti. Bagi menyokong pelaksanaan satu tindak balas yang komprehensif dan berterusan terhadap OCSEA, *Disrupting Harm di Malaysia* membentangkan pelan tindakan yang boleh diambil untuk melindungi kanak-kanak melalui satu siri cadangan-cadangan berdasarkan kepada keterangan yang merangkumi perundangan, penguatkuasaan undang-undang, proses keadilan, perkhidmatan sosial dan kesedaran awam. Cadangan-cadangan ini menyeru Kerajaan Malaysia dan rakan kongsi **untuk bertindak, mendidik dan melabur**.

UNTUK BERTINDAK

- Walaupun peruntukan undang-undang mengenai bahan penderaan seksual kanak-kanak boleh digunakan bagi kes-kes penderaan kanak-kanak melalui live-streaming, undang-undang sedia ada harus dipinda untuk menjenayahkan penderaan kanak-kanak melalui live-streaming sebagai suatu kesalahan yang berasirang dan berbeza.
- Kembangkan peruntukan sedia ada yang menjenayahkan mana-mana orang yang ugut untuk menggunakan CSAM untuk merujuk secara khusus kepada tindakan menggunakan bahan tersebut untuk mengekstrak kandungan seksual atau faedah lain daripada kanak-kanak iaitu tindakan peras ugut untuk seksual kanak-kanak yang dilakukan/difasilitasi dalam persekitaran dalam talian.
- Memperkuuhkan pelaksanaan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dengan memantau pelaksanaan Akta tersebut bagi mengenal pasti serta menangani sebarang halangan yang menghalang keberkesanannya.
- Memastikan bahawa mekanisme untuk melaporkan OCSEA dan mendapatkan maklumat serta sokongan – seperti talian hotlines dan talian bantuan – tersedia, boleh diakses dan terkenal kepada semua kanak-kanak dan keluarga serta komuniti mereka. Galakkan pelaporan oleh rakan sebaya.

- Memperkuuhkan Unit Penyiasatan Malaysian Internet Crime Against Children (MICAC) dengan kakitangan yang mencukupi dan menyediakan sokongan psikologi kepada kakitangan- yang menyiasat kes-kes OCSEA.
- Meningkatkan lagi kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang negara asing dan mempertimbangkan semula bagi menyambung semula ke pangkalan data International Child Sexual Exploitation (ICSE) yang dimiliki oleh INTERPOL. Pangkalan data ICSE ialah alat perisikan dan penyiasatan yang membolehkan penyiasat khusus berkongsi data tentang kes penderaan seksual kanak-kanak untuk mengurangkan pertindihan, menghapuskan penyakflikan dan meningkatkan kerjasama polis antarabangsa.
- Seragamkan penggunaan Pusat Temuduga Kanak-Kanak yang digunakan untuk temu bual dengan mangsa kanak-kanak OCSEA oleh penguatkuasaan undang-undang.
- Menyediakan lebih ramai hakim, pendakwa raya, pegawai penguatkuasaan undang-undang dan pekerja sosial dengan pengetahuan dan kemahiran bagi mengendalikan kes kanak-kanak dengan cara yang bermesra kanak-kanak.
- Memastikan prosedur-prosedur yang bermesra kanak-kanak diterima pakai sepenuhnya dalam sistem keadilan melalui penyebaran amalan baik yang luas seperti yang dilaksanakan di mahkamah-mahkamah khas untuk kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.
- Pra-rakaman keterangan penuh saksi kanak-kanak sebelum perbicaraan dalam persekitaran sensitif kanak-kanak hendaklah dipertimbangkan supaya kanak-kanak itu tidak perlu menghadiri perbicaraan dan mengelakkan kanak-kanak bagi menceritakan mengenai penderaan mereka lalui berkali-kali. Memastikan profesional keadilanjenayah mempunyai pakej maklumat yang standard untuk diberikan kepada semua mangsa dan penjaga mereka yang berkaitan dengan eksplotasi dan penderaan seksual kanak-kanak (termasuk OCSEA). Pakej tersebut hendaklah memaklumkan dengan jelas kepada kanak-kanak mengenai hak mereka termasuk hak mereka untuk mendapatkan pampasan serta membiasakan diri mereka dengan prosedur-prosedur yang akan mereka hadapi.

Dibayai
oleh



End Violence
Against Children

Dilaksanakan
oleh



unicef
Office of Research-Innocenti



DISRUPTING HARM

- Menyokong semua mangsa kanak-kanak OCSEA dalam mengakses perkhidmatan sokongan termasuk perkhidmatan pendamping guaman¹ dan perkhidmatan perubatan. Meningkatkan penggunaan perkhidmatan pendamping guaman dengan meningkatkan kesedaran berhubung dengan perkhidmatan ini dalam kalangan profesional keadilan dan orang awam.
- Untuk perkhidmatan perubatan, laluan rujukan dari klinik daerah/komuniti ke Pusat Khidmat Krisis Sehenti perlu diperkuatkannya dengan mengemas kini dan melatih semua kakitangan perubatan di klinik daerah dan komuniti dengan menggunakan "Kementerian Kesihatan - Pusat Khidmat Krisis Sehenti: Dasar dan Garis Panduan untuk Hospital".
- Mewajibkan platform dalam talian mempunyai mekanisme yang jelas dan boleh diakses untuk kanak-kanak untuk melaporkan mengenai kebimbangan. Platform harus memperincikan dalam istilah mesra kanak-kanak mengenai proses selepas kanak-kanak membuat laporan. Platform media sosial dan pemesajan segera yang popular harus mempertimbangkan kerjasama yang lebih erat dengan mekanisme pelaporan khusus sedia ada di negara ini.³
- Berinteraksi dengan pemilik-pemilik kafe internet dan kedai sewa komputer lain untuk memastikan perlindungan yang mencukupi disediakan. Ini boleh termasuk melindungi kanak-kanak daripada kandungan berbahaya atau interaksi dalam talian dengan memasang penyekat pop timbul, mengehadkan akses kepada tapak yang tidak sesuai dengan umur kanak-kanak dan membuat rujukan kepada pihak berkuasa tentang kes yang disyaki penderaan atau eksplorasi seksual kanak-kanak seperti laporan mandatori di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Akta Kanak-Kanak 2001.
- Berhubung lebih rapat dengan platform teknologi global supaya keterangan digital yang diperlukan dalam kes OCSEA dapat dikumpulkan dengan cepat dan cekap serta kandungan yang menyalahi undang-undang segera dihapuskan.

UNTUK MENDIDIK

- Mengguna pakai Strategi Keselamatan Siber Malaysia bagi 2020-2024, yang merangkumi inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai penguatkuasaan undang-undang dan profesional keadilan menjayah tentang jenayah tentang jenayah siber.
- Meneruskan penglibatan orang ramai – termasuk kanak-kanak, penjaga, guru dan lain-lain – dalam kesedaran tentang keganasan terhadap kanak-kanak termasuk OCSEA melalui program Kebangsaan yang sedia ada. Memastikan kempen kesedaran dan program pendidikan dibangunkan dan diuji melalui perundingan yang selamat dan beretika dengan kanak-kanak, penjaga dan guru. Menyediakan literasi digital dan latihan keselamatan yang komprehensif bagi memastikan kanak-kanak dan orang dewasa yang dipercayai sedar tentang kemungkinan risiko dan mengetahui perkara yang perlu dilakukan terhadapnya. Ini harus merangkumi maklumat tentang perkara yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak jika mereka diganggu dalam talian, jenis kandungan yang sesuai untuk dikongsikan dalam talian dengan orang lain dan kemahiran asas seperti cara menuruk tetapan privasi mereka dan menyekat orang daripada menghubungi mereka.
- Menyokong penjaga – terutamanya penjaga yang lebih tua yang jarang menggunakan internet – semasa berkomunikasi dengan kanak-kanak tentang kehidupan mereka dalam talian dan menjadi lebih biasa dengan platform yang digunakan oleh kanak-kanak.
- Melaksanakan program-program yang meliputi pendidikan seksualiti. Pendidikan seksualiti yang komprehensif harus meliputi OCSEA dan bagaimana teknologi memainkan peranan dalam penderaan dan eksplorasi seksual kanak-kanak dan melengkapkan kanak-kanak untuk mengenali interaksi-interaksi yang tidak sesuai dalam talian dan luar talian. Program-program ini hendaklah bersesuaian dengan umur, sensitif jantina dan memberikan maklumat yang tepat.

1. Perkhidmatan ini tersedia untuk semua mangsa kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual dan termasuk memberikan nasihat undang-undang kepada penjaga mangsa kanak-kanak, menyediakan maklumat perundangan yang berkaitan dengan sebarang prosiding menjayah, menemani mangsa dalam mana-mana prosiding mahkamah dan dengan kebenaran mahkamah, bercakap bagi pihak mangsa kanak-kanak.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia. (2015). One Stop Crisis Centre: Policy and Guidelines for Hospitals.

3. Sebagai contohnya, di Malaysia, Monsters Among Us telah berjaya menyepadan Lapor Predator Chatbot mereka dengan aplikasi WhatsApp bagi meningkatkan akses untuk kanak-kanak dan orang ramai.

- Memastikan pendekatan pendidikan dan kesedaran OCSEA yang bersesuaian dengan umur. Penjagaan khusus juga perlu diambil untuk memastikan bahawa maklumat disampaikan kepada kanak-kanak yang situasinya boleh meningkatkan kerentanan mereka kepada OCSEA termasuk kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak yang terjejas oleh penghijrah, kanak-kanak yang mempunyai hubungan dengan jalanan, kanak-kanak tidak bersekolah dan kanak-kanak yang mengalami bentuk keganasan yang lain. Memantau dan menilai impak program ini.
- Memastikan program-program peningkatan kesedaran dan pendidikan OCSEA dicapai kepada semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak yang lebih muda, mereka yang berada di kawasan luar bandar, kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak tidak bersekolah, kanak-kanak yang terlibat dalam migrasi dan kanak-kanak yang berkaitan dengan tepi jalan. Memantau dan menilai impak program-program ini.
- Menyokong mereka yang mempunyai kewajipan untuk menjaga kanak-kanak - terutamanya penjaga, guru, profesional perubatan dan pekerja sosial - untuk mengatasi ketidakselesaan semasa membincangkan perkara seks dan seksualiti dalam terma yang bersesuaian dengan umur. Ini boleh menggalakkan dialog terbuka tentang mengiktiraf, mendedahkan dan bertindak balas terhadap penderaan dan eksplorasi seksual dalam talian dan luar talian.
- Menginstitusikan inisiatif pembinaan kapasiti sebagai sebahagian daripada kalender Latihan erajan. Ini akan memastikan sumber yang diperlukan terjamin dan belanjawan tetap dan berulang diperuntukkan. Di samping itu, membangunkan modul standard mengenai OCSEA dan langkah mesra kanak-kanak yang boleh digunakan oleh jurulatih. Ini juga boleh disepadukan dalam kurikulum latihan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKP) dan Akademi Latihan Polis.

UNTUK MELABUR

- Memperuntukkan sumber kewangan dan sumber manusia yang diperlukan bagi pelaksanaan cadangan-cadangan ini dan dasar-dasar sedia ada mengenai perlindungan kanak-kanak dan pembangunan kanak-kanak.
- Meningkatkan keutamaan yang diberikan kepada OCSEA oleh pihak berkuasa politik dan jentera penguatkuasaan undang-undang apabila melabur dalam bakat dan sumber untuk melindungi kanak-kanak daripada penderaan dan eksplorasi seksual.
- Menginstitusikan Unit Penyiasatan Malaysian Internet Crime Against Children (MICAC) mempunyai kakitangan yang mencukupi dan kepakaran dan infrastruktur yang diperlukan untuk menangani OCSEA dan menyambung semula ke pangkalan data Eksplorasi Seksual Kanak-Kanak Antarabangsa INTERPOL. Bilangan kecil kakitangan dalam unit khusus memberi kesan buruk kepada siasatan segera kes dan pengumpulan keterangan. Unit ini tidak mempunyai kakitangan yang optimum untuk mengendalikan jumlah CyberTips daripada U.S. National Center for Missing and Exploited Children. Pasukan itu juga memerlukan pengukuhan dari segi pakar dan infrastruktur keselamatan siber.
- Memperuntukkan sumber kewangan untuk menyokong lebih banyak mahkamah-mahkamah yang biasa termasuk mahkamah untuk kanak-kanak bagi mencapai tahap mesra kanak-kanak yang sama seperti mahkamah-mahkamah khas yang dituluhkan untuk mengendalikan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.
- Memberikan peruntukan khusus kepada talian bantuan kanak-kanak dan talian hotlines CSAM supaya mereka boleh bertindak balas dengan berkesan terhadap kes-kes OCSEA dan mengumpul serta menganalisis data yang boleh membantu dalam membangunkan program-program Pencegahan, dasar dan pindaan perundangan.

1. Perkhidmatan ini tersedia untuk semua mangsa kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual dan termasuk memberikan nasihat undang-undang kepada penjaga mangsa kanak-kanak, menyediakan maklumat perundangan yang berkaitan dengan sebarang prosiding menjayah, menemani mangsa dalam mana-mana prosiding mahkamah dan dengan kebenaran mahkamah, bercakap bagi pihak mangsa kanak-kanak.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia. (2015). One Stop Crisis Centre: Policy and Guidelines for Hospitals.

3. Sebagai contohnya, di Malaysia, Monsters Among Us telah berjaya menyepadan Lapor Predator Chatbot mereka dengan aplikasi WhatsApp bagi meningkatkan akses untuk kanak-kanak dan orang ramai.

Dibayai
oleh



End Violence
Against Children

Dilaksanakan
oleh



Office of Research-Innocenti

Penemuan-penemuan utama

Melalui pelbagai aktiviti-aktiviti penyelidikan, *Disrupting Harm di Malaysia* telah mengenal pasti enam penemuan utama:

1. Pada tahun lalu, sekurang-kurangnya 4% kanak-kanak yang menggunakan internet berumur 12 – 17 tahun di Malaysia tertakluk kepada contoh jelas eksploitasi dan penderaan seksual dalam talian termasuk dipersegugut untuk terlibat dalam aktiviti seksual, orang lain berkongsi imej seksual mereka tanpa kebenaran atau dipaksa untuk melakukan aktiviti-aktiviti seksual melalui perjanjian pemberian wang atau hadiah. Berskala kepada populasi, ini mewakili anggaran 100,000 kanak-kanak yang mungkin telah mengalami mana-mana ancaman ini dalam satu tahun.
2. Menurut tinjauan isi rumah, pesalah OCSEA boleh merupakan seseorang yang tidak dikenali oleh kanak-kanak itu. Dalam kes lain, pesalah adalah individu yang sudah diketahui oleh kanak-kanak – selalunya kenalan dewasa, rakan sebaya di bawah 18 tahun atau ahli keluarga.
3. Kanak-kanak terutamanya mengalami OCSEA melalui pemberi media sosial utama biasanya melalui WhatsApp, Facebook/Facebook Messenger, WeChat atau Telegram.
4. Kanak-kanak yang mengalami OCSEA cenderung untuk bercakap dengan orang dalam rangkaian interpersonal mereka, terutamanya rakan, adik beradik atau penjaga. Talian bantuan dan bantuan polis hampir tidak pernah digunakan untuk mendapatkan bantuan.
5. Pelbagai inisiatif yang menjanjikan sedang dilaksanakan oleh kerajaan, organisasi masyarakat sivil dan industri di Malaysia tetapi penyelaras dan kerjasama antara agensi yang lemah dan terdapat pengehadan sumber kewangan.
6. Walaupun perundangan, dasar dan piawaian sedia ada di Malaysia termasuk peruntukan yang berkaitan dengan OCSEA termasuk peruntukan kukuh berkenaan penyiasatan dan pendakwaan yang bermesra kanak-kanak, sokongan untuk melaksanakan piawaian tersebut di seluruh negara dan pembaharuan perundangan selanjutnya diperlukan untuk memastikan tindak balas yang menyeluruh terhadap OCSEA.

Laporan penuh dan senarai lengkap cadangan-cadangan boleh didapati [di sini](#).

Mengenai Disrupting Harm

Disrupting Harm di Malaysia adalah sebahagian daripada projek penyelidikan pelbagai negara yang belum pernah berlaku sebelum ini mengenai OCSEA yang difokuskan kepada 13 buah negara di Afrika Timur dan Selatan serta Asia Tenggara. Projek penyelidikan berskala besar ini menggunakan kepakaran ECPAT, INTERPOL, UNICEF Office of Research - Innocenti, dan rangkaian rakan kongsi global mereka. *Disrupting Harm* disokong oleh Fund to End Violence Against Children melalui inisiatif Safe Online.

Di Malaysia, penyelidikan dijalankan dari awal 2020 hingga akhir tahun 2021 termasuk temu bual dengan wakil peringkat tinggi daripada Kerajaan Malaysia dan pelbagai badan serta organisasi awam yang aktif di negara ini.

Aktiviti-aktiviti penyelidikan termasuk analisis komprehensif perundangan, dasar dan sistem yang menangani OCSEA di Malaysia, serta temu bual dengan profesional keadilan dan penyedia perkhidmatan barisan hadapan, dan tinjauan isi rumah yang mewakili negara dengan kanak-kanak yang menggunakan internet dan penjaga mereka.

Data daripada pelbagai sumber ini telah dibandingkan dan ditriangulasikan untuk menghasilkan laporan nasional *Disrupting Harm di Malaysia*. Cadangan-cadangan daripada data telah dibentangkan dan dibincangkan pada perundingan nasional yang diadakan secara hibrid pada 25 April 2022.